

NAMA :

KELAS:

ARAHAN: ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN DI MUKA SURAT 2, BERDASARKAN NOTA YANG DIBERIKAN.



PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN LIMA

PELAJARAN 6 : KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَى إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ
(Surah Al-Hujurat : 13)



باجلان اية كنههم

<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=3096>

Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى

Dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan berpuak-puak supaya kamu saling berkenalan.

وَجَعَلْنَكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah dalam kalangan kamu ialah orang yang paling bertaqwa.

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَى

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuannya.

إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

SEBAB TURUN AYAT

Menurut Ibnu Abbas radhiallahuanhu, Rasulullah SAW telah meminta Saidina Bilal bin Rabah radhiallahuanhu melaungkan azan semasa pembukaan kota Makkah. Terdapat sahabat yang telah memandang rendah kepada Saidina Bilal radhiallahuanhu. Jibril as telah memberitahu Rasulullah SAW perbuatan para sahabat tersebut lalu Rasulullah SAW memanggil mereka dan bertanya tentang tindakan mereka. Lalu turunlah ayat ini.

KANDUNGAN AYAT

TUNTUTAN SALING MENGENALI DALAM KALANGAN PELBAGAI BANGSA

1. Menjalin perpaduan dan perhubungan yang harmoni.
2. Mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia tanpa mengira rupa paras dan etnik.
3. Menjalin hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam.
4. Menggalakkan interaksi dan kerjasama yang akan saling melengkapi antara satu sama lain.

KEUTAMAAN TAQWA

1. Manusia adalah sama di sisi Allah SWT.
2. Allah SWT tidak melihat jantina atau bangsa tetapi Allah SWT memandang hati dan amalan hambaNya.
3. Meyakini kekuasaan Allah SWT melalui makhluk ciptaanNya sebagai asas keimanan kepada Allah SWT.
4. Menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan budaya kerana perkara itu merupakan sebahagian daripada perintah Allah SWT yang wajib dilaksanakan.

PENGAJARAN AYAT

Sebagai umat Islam

1. Kita hendaklah saling bekerjasama untuk membina kehidupan yang harmoni.
2. Kita hendaklah menghormati kepelbagaian budaya supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat.
3. Kita hendaklah berusaha untuk memperbaiki akhlak supaya menjadi insan bertaqwa.

JAWAB SOALAN BERIKUT :

2. Jelaskan **dua** sebab kita dituntut agar saling kenal mengenali dalam kalangan bangsa dan kaum.

(a) _____

(b) _____

3. Jelaskan **tiga** keutamaan takwa menurut pandangan Islam.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

4. Jelaskan **tiga** cara untuk memperolehi sifat takwa dalam diri.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

KBAT

Kepelbagaian bangsa memberikan peluang bagi membina interaksi yang harmoni.
Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.